

**TEKS UCAPAN  
YB MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA  
PERHIMPUNAN BULANAN  
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**PADA  
13 SEPTEMBER 2013  
(JUMAAT)**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

**YBhg. Datuk Himmat Singh**

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

**YBrs. Encik Sarani bin Dollah**

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

**YBrs. Encik Zainudin bin Zakaria**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

**YBhg. Dato' Ir. Mohd Noor bin Yaakob**

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

**YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abd Karim**

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

**YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh**

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan agensi,

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah,saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya dapat saya bersama dengan warga Kerja Raya di dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya bagi bulan September 2013.
2. Di samping itu saya juga turut mengucapkan terima kasih dan amat berbesar hati dengan jemputan ini serta kehadiran tuan-tuan dan puan-puan warga Kementerian Kerja Raya pada majlis ini. Sesungguhnya kehadiran dan komitmen semua pada hari ini jelas menunjukkan bahawa kita adalah warga yang bersatu, bersama dalam memacu perjalanan Kementerian ini khususnya dan Kerajaan amnya dalam merealisasikan visi dan misi yang telah ditetapkan di dalam agenda pembangunan dan membina kejayaan negara.

## **PENJIMATAN PERBELANJAAN**

Hadirin yang dihormati,

3. Pengurangan subsidi minyak yang telah diumumkan baru-baru ini telah menjadi isu yang terus hangat diperkatakan dalam masyarakat Malaysia. Apa yang ingin saya perjelaskan adalah bahawa kita perlu memahami secara mendalam dan rasional, mengapa kerajaan mengambil langkah sedemikian. Keputusan kerajaan mengambil langkah berkenaan adalah semata mata untuk menyeimbangkan kedudukan defisit kewangan negara. Sekiranya tindakan ini tidak diambil sekarang, kerajaan akan terus meningkatkan defisit iaitu berbelanja lebih dari pendapatan. Akhirnya nanti

jika tidak dikawal, kerajaan terpaksa meninjam wang untuk menampung perbelanjaan mengurus termasuk untuk membayar emolumen pegawai kerajaan.

4. Pengurangan subsidi minyak ini sudah pastinya telah mengambil kira pelbagai faktor berdasarkan nasihat pakar-pakar ekonomi dan ingin saya nyatakan di sini juga bahawa hasil daripada pengurangan subsidi minyak sebanyak 20 sen seliter tersebut akan menjadikan jumlah penjimatan sebanyak 3.34 billion ringgit setahun, iaitu satu jumlah yang amat besar, di mana wang itu boleh digunakan untuk perbelanjaan lain supaya manfaatnya akan dirasai oleh rakyat keseluruhannya. Meskipun sukar diterima namun kenaikan itu seharusnya menjadikan kita lebih berhati hati dalam perbelanjaan dan kita juga perlu membuat langkah penjimatan, kerana kebergantungan berlebihan kepada subsidi hanya akan menjelaskan masa depan ekonomi negara. Saya berharap ketua jabatan dan pegawai kanan kementerian dapat menjadi agen untuk membuat penjelasan ini kepada warga dibahagian, jabatan dan agensi masing-masing.

## **PERANAN PENJAWAT AWAM**

5. Berdasarkan kepada amanat YAB Perdana Menteri bahawa setiap penjawat awam adalah agen transformasi paling hadapan di antara rakyat dan kerajaan. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu tanggungjawab dan amanah bagi kita, setiap warga Kerja Raya untuk merealisasikan amanat tersebut. Selaku penjawat awam, kita membawa imej dan mutu perkhidmatan kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kerja Raya secara terus kepada rakyat. Oleh yang demikian, kita perlu memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah berkualiti dan

memenuhi ekspektasi pelanggan serta dirasai oleh seluruh lapisan masyarakat di negara ini. Sebagai penjawat awam, kita juga perlu mementingkan kepantasan bertindak dan membuat keputusan dengan bijak. Kita tidak boleh berlengah atau menangguhkan kerja. Dalam konteks ini kita perlu sentiasa bersedia, tahu dan faham bahawa setiap tindakan yang diambil adalah demi untuk kesejahteraan rakyat. Pendekatan ini sangat bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk merakyatkan perkhidmatan awam serta memastikan pelaksanaan Dasar Transformasi Negara, mencapai matlamat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

## **PENGIKTIRAFAN 5S**

6. Sejajar dengan Pelan Transformasi Negara dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan, Kementerian Kerja Raya telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Amalan Persekutaran 5S (yang bermaksud *Seiri* – Sisih, *Seiton* – susun, *Seiso* – sapu, *Seiketso* – Seragam, *Shitsuke* – Sentiasa Amal) mulai April 2011. Saya telah dimaklumkan bahawa, Audit Persijilan 5S Kementerian Kerja Raya telah dijalankan dengan jayanya oleh pihak Malaysian Productivity Corporation (MPC) dan melibatkan lapan (8) bahagian di Kementerian ini. Usahasama yang berterusan pegawai dan kakitangan Kementerian di pelbagai peringkat telah membaharu hasil dan Kementerian ini telah diberikan pengiktirafan Amalan Persekutaran 5S oleh MPC pada 9 Mei 2013 lepas. Diharapkan dengan pencapaian ini ianya dapat memacu semangat kepada bahagian-bahagian yang lain untuk meneruskan amalan 5S di tempat bertugas masing-masing serta dapat meningkatkan lagi prestasi kerja pada masa akan datang. Saya juga telah dimaklumkan bahawa, Kementerian telah mensasarkan keseluruhan 16 Bahagian di Kementerian ini akan turut diliputi bagi tujuan persijilan 5S pada Tahun 2014. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua

warga yang terlibat dalam persijilan 5S ini serta diharapkan amalan ini akan dijadikan sebagai budaya yang berkekalan di kalangan warga Kerja Raya.

## **PERANAN KKR DALAM SEKTOR PEMBINAAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Apabila kita bercakap tentang peranan Kementerian Kerja Raya dalam sektor pembinaan, tidak dinafikan Kementerian ini serta agensi-agensi di bawahnya selaku agensi teras di dalam aspek pembangunan infrastruktur negara mempunyai peranan yang cukup besar dalam memastikan pembangunan infrastruktur negara berada di landasan yang selari dengan keperluan dan kehendak rakyat. Ini kerana sektor pembinaan adalah penyokong kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dan mampu memberikan sumbangan signifikan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) seperti yang tertera di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Program Transformasi Nasional. Justeru itu, bagi Tahun 2013, sebanyak RM3.708 bilion telah diluluskan kepada Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan 290 projek pembangunan di seluruh negara. Sehingga 25Ogos 2013, sebanyak RM1,587 juta atau 42.8% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan dan prestasi ini dijangka akan terus meningkat sehingga ke hujung Tahun 2013. Mengikut data pelaksanaan projek, sebanyak 59 projek telah berjaya disiapkan, iaitu 14 projek adalah mendahului jadual, 186 projek adalah mengikut jadual, 18 projek masih dalam perancangan, manakala 13 projek lagi adalah berstatus lewat jadual. Justeri, saya berharap pihak yang terlibat dapat memantau kedudukan projek-projek yang berstatus lewat jadual melalui Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit di peringkat Kementerian. Selain daripada itu,

saya sendiri juga akan terus sering mengadakan lawatan turun padang ke projek-projek yang bermasalah bagi mengenalpasti punca-punca kelewatan projek-projek yang terlibat. Di samping membantu menangani isu-isu yang mempengaruhi pelaksanaan projek bagi memastikan projek-projek tersebut berjalan lancar dan mengikut tempoh penjadualan semula yang telah ditetapkan.

8. Baru-baru ini, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bersama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah berjaya menganjurkan persidangan dan pameran antarabangsa Rail Business Asia 2013 pada 10 hingga 12 September 2013. Kita amat bertuah kerana persidangan antarabangsa tersebut telah pun dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri kita. Melalui penganjuran persidangan ini, para peserta akan dapat berkongsi maklumat dan informasi dalam kemajuan inovasi dan industri teknologi rel. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga Kerja Raya yang telah membantu menjayakan penganjuran persidangan tersebut. In sha Allah, jika tiada halangan, saya akan merasmikan satu lagi persidangan antarabangsa iaitu Persidangan Ecobuild South East Asia 2013 pada 17 September 2013 ini. Dengan penganjuran persidangan-persidangan bertaraf antarabangsa ini, secara tidak langsung iaanya akan menggalakkan lagi kerancakan pertumbuhan industri pembinaan.

### **MODAL INSAN YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI**

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Bagi memastikan kualiti perkhidmatan Kementerian berada di tahap yang terbaik, kita perlu mempunyai modal insan yang kompeten dan dinamik. Pengurusan sumber manusia yang cekap pastinya akan

menyumbang kepada pembangunan kompetensi dan peningkatan potensi pegawai di Kementerian ini. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan lagi keupayaan diri warga Kementerian Kerja Raya dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Saya difahamkan, bagi memperkuatkan lagi fungsi dan peranan Kementerian Kerja Raya serta agensi dibawahnya, inisiatif untuk mengkaji semula penstruktur organisasi sedia ada telah pun dimulakan. Saya percaya dengan terlaksananya penstruktur semula ini, Kementerian Kerja Raya dan agensinya akan terus kekal relevan dalam melaksanakan fungsi masing-masing.

10. Mengambil kesempatan ini, suka saya menasihatkan seluruh warga Kerja Raya supaya bersungguh-sungguh membina perwatakan unggul sebagai imej keperibadian utama warga Kementerian. Di samping itu menjadi satu keperluan supaya menjalankan tugas dengan penuh amanah dan berintegriti demi menjaga nama baik negara amnya dan Perkhidmatan Awam khususnya, kerana pada hari ini, setiap tindakan dan keputusan kita sentiasa diperhalusi, dinilai dan dianalisa serta dikritik oleh masyarakat di luar sana. Tidak ada individu, jabatan, kementerian maupun institusi yang terlepas daripada pemerhatian rakyat dalam dunia bermaklumat yang aksesnya tiada sempadan ini. Justeru itu, integriti kita sebagai penjawat awam mestilah sentiasa dipelihara bagi memastikan ketirisan wang atau ketirisan maklumat yang boleh menjelaskan keutuhan perkhidmatan awam tidak berlaku di Kementerian ini.

#### **KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT) SEBANYAK DUA KALI**

11. Saya juga tertarik untuk menyentuh tentang usaha dan inisiatif dalam meningkatkan kebijakan penjawat awam ke tahap kesempurnaan yang

lebih baik dari semasa ke semasa yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Kerajaan sedar bahawa sumbangan pegawai dan kakitangan kerajaan perlu diberi ganjaran yang setimpal dengan sumbangan yang telah mereka berikan selama ini. Justeru itu, Kerajaan bersetuju memberi semua penjawat awam menerima dua kali Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada tahun ini dan inisiatif Kerajaan tersebut sudah tentunya melakarkan senyuman di kalangan penjawat awam. Saya yakin, melalui usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan ini, secara tidak langsung akan dapat membela nasib dan kebijakan penjawat awam supaya penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang dapat diteruskan demi merealisasikan impian menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 kelak. InsyaAllah. Marilah kita sama-sama menantikan pembentangan Bajet 2014 yang akan dibentangkan pada 25 Oktober 2013, di mana ianya merupakan usaha Kerajaan yang berterusan dalam memastikan kebijakan penjawat awam terus terbela. Apa jua yang diberi kepada rakyat khasnya kepada penjawat awam, pastinya lebih baik daripada yang sebelumnya. Saya berharap ia dapat meningkatkan lagi semangat kita untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

## **HARI MALAYSIA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Tidak lama lagi kita akan menyambut Hari Malaysia yang ke-50 pada 16 September 2013 untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia iaitu di tarikh yang sama pada tahun 1963. Pengisytiharan tarikh 16 September setiap tahun sebagai hari cuti umum untuk seluruh negara

menunjukkan betapa kerajaan Malaysia benar-benar serius dalam menghargai penubuhan dan pembentukan negara Malaysia. Hari Malaysia akan dirai sebagai bukti kesedaran dan penghayatan semua lapisan masyarakat seluruh negara untuk bersama-sama meraikan pembentukan Malaysia. Pengisytiharan cuti umum ini memberi ruang untuk kita menyambut dengan penuh gilang-gemilang hari bersejarah pembentukan negara Malaysia yang kita warisi hari ini iaitu tarikh hari keramat di mana rakyat Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia disatukan di bawah panji Jalur Gemilang untuk membangun bersama mencipta nama dan kejayaan di persada dunia. Jangan biarkan rakyat, terutamanya generasi muda terus dilupakan tentang sejarah Malaysia yang dipenuhi dengan warna-warni perjuangan generasi terdahulu, kerana melalui kesedaran sejarah inilah rakyat dan generasi muda dinegara ini akan mampu menghayati nilai sebenar pembentukan negara Malaysia yang dicintai ini.

13. Penghayatannya perlu diamalkan dalam realiti kehidupan harian kita, terutamanya golongan muda yang perlu didedahkan dengan lebih mendalam tentang sejarah kewujudan Malaysia kerana sikap buta sejarah akan menjadikan mereka rapuh dalam pembentukan pembinaan jati diri yang akhirnya akan merendahkan dan melemahkan semangat patriotik dalam diri mereka. Oleh itu, adalah wajar setiap rakyat di negara ini mempunyai semangat patriotik yang tinggi serta cintakan negara dengan hati yang tulus ikhlas. Menghargai segala perjuangan orang-orang terdahulu yang telah berjuang bermati-matian untuk mencapai kemerdekaan, serta terus menjaga keamanan dan kedamaian negara dari semasa ke semasa agar terus makmur seperti mana yang kita telah kecapi selama ini.

14. Dengan penghayatan tersebut, secara tidak langsung kita akan menyokong usaha ke arah perpaduan nasional. Dalam kehidupan masyarakat majmuk, sikap-sikap seperti berprasangka buruk, perkauman, diskriminasi dan perbalahan yang menjadi penghalang ke arah perpaduan hendaklah dikikis dan dielakkan. Usaha ke arah perpaduan nasional ini adalah penting bagi mengeratkan hubungan antara rakyat di negara ini demi menjamin kesejahteraan dan keamanan Negara dapat terus dikekalkan.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung tahniah kepada warga kerja Kementerian dan Agensi yang telah dinaikkan pangkat. Selamat datang dan selamat berkhidmat saya ucapkan kepada semua warga kerja yang baru bertukar masuk ke Kementerian ini. Manakala, kepada yang akan bertukar keluar dari KKR pula, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih, selamat maju jaya dan selamat bertugas di tempat baru. Seterusnya, kepada yang akan bersara dari perkhidmatan awam pula, ucapan ribuan terima kasih, selamat bersara dan manfaatkanlah peluang untuk berehat bersama keluarga tercinta. Selamat ulang tahun kepada warga Kerja Raya yang menyambut ulang tahun kelahiran pada September ini. Semoga kita semua akan sentiasa bersemangat tinggi untuk meneruskan kecemerlangan perkhidmatan Kementerian ini serta Jabatan dan Agensi keseluruhannya.

16. Akhir kata, marilah kita bersama-sama mengeratkan kerjasama, persefahaman dan menggembangkan tenaga, mengeluarkan idea-idea inovatif dan kreatif untuk kemajuan dan kejayaan bukan sahaja milik kita, tetapi yang lebih penting untuk anak-anak kita, generasi yang akan datang.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.